KHAZANAH NASIONAL

ADVANCING MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA

Khazanah tingkat pegangan saham dalam EDOTCO bagi menyokong pertumbuhan infrastruktur digital Malaysia

Khazanah dan Axiata bakal memperkukuh pemilikan Malaysia dalam platform menara telekomunikasi terbesar negara

KUALA LUMPUR, 23 November 2026 – Susulan pengumuman Axiata Group Berhad ("Axiata") pada hari ini, Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") mengesahkan rancangan untuk meningkatkan pelaburan dalam EDOTCO Group ("EDOTCO"), sekali gus membentuk perkongsian setara dengan Axiata bagi menyokong fasa pertumbuhan EDOTCO Malaysia seterusnya di bawah pemilikan Malaysia.

Perkongsian ini akan menyatukan pemegang saham Malaysia yang mempunyai komitmen jangka panjang serta mengekalkan penyertaan mereka dalam platform menara telekomunikasi terbesar di Malaysia, di samping meneruskan pelaburan bagi memperkukuh ketersambungan dan daya saing digital negara.

Dato' Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad berkata, "Pelaburan ini mencerminkan keyakinan kami terhadap potensi pertumbuhan EDOTCO Malaysia. Khazanah dan Axiata bersama-sama membawa pulang modal ke Malaysia untuk merealisasikan nilai dalam negara, di samping menyokong perkembangan EDOTCO sebagai sebuah syarikat infrastruktur digital Malaysia yang memperkukuh ekosistem digital negara dan menjana nilai jangka panjang yang mampan."

Cadangan urus niaga Axiata melibatkan penjualan perniagaan terpilih EDOTCO di luar Malaysia. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan urus niaga tersebut, Khazanah akan meningkatkan pegangan sahamnya dalam EDOTCO daripada 31.71% kepada kira-kira 47.35%, menyamai pegangan kira-kira 47.35% yang akan dikekalkan oleh Axiata dalam perniagaan EDOTCO yang sebahagian besarnya tertumpu di Malaysia.

Langkah ini memastikan modal disalurkan bagi pembangunan infrastruktur digital Malaysia serta menyokong pertumbuhan jangka panjang EDOTCO Malaysia.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.khazanah.com.my. Bagi urusan berkaitan media, sila hubungi Regina Lee di talian +603 2034 0492 atau e-mel regina.lee@khazanah.com.my

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk mencipta nilai jangka panjang dan mampan melalui pelaburan berteraskan tujuan. Sebagai pelabur jangka panjang dan pemegang amanah aset negara yang bertanggungjawab, Khazanah melabur dengan berdisiplin merentasi sektor strategik dan pemangkin, di Malaysia serta di peringkat global, sambil membentuk portfolionya secara aktif bagi memperkukuh daya tahan, daya saing dan pertumbuhan masa depan negara. Selain menjana pulangan kewangan, Khazanah turut komited untuk membina keupayaan, menyokong pembangunan inklusif dan memupuk komuniti yang maju, bagi memastikan nilai yang dicipta memberi manfaat kepada Malaysia dan negara, kini dan untuk generasi akan datang. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my.